



## KENYATAAN MEDIA

### JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

#### **PENGELUARAN KAD PENGESAHAN NAMA (KPN) BAGI PENERIMA ANUGERAH GELARAN "DATUKSHIP"**

20 Januari 2016, Wilayah Persekutuan Putrajaya

---

1. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin memaklumkan bahawa laporan akhbar Mingguan Malaysia pada 17 Januari 2016, melaporkan maklumat yang tidak tepat berkaitan pengeluaran Kad Pengesahan Nama bagi penerima anugerah gelaran "Datukship".
2. JPN tidak membenarkan mana-mana individu untuk memasukkan gelaran Darjah Kebesaran ke dalam kad pengenalan. Gelaran darjah kebesaran hanya dimasukkan ke dalam Kad Pengesahan Nama (KPN) iaitu kad *supplementary* kepada kad pengenalan. KPN tidak pernah dikeluarkan kepada penerima darjah yang tidak diiktiraf di Malaysia.
3. KPN telah digunakan sebagai kad pengesahan gelaran Darjah Kebesaran bermula pada lewat tahun 1990-an yang dikeluarkan di JPN Ibu Pejabat Putrajaya sahaja. Permohonan KPN tidak melibatkan sebarang bayaran dan sekiranya terdapat pihak yang cuba menawarkan perkhidmatan mengeluarkan KPN tersebut dengan sejumlah bayaran, JPN meminta kerjasama orang ramai untuk melaporkan kepada pihak berkuasa.
4. Pada masa kini, dasar dan peraturan semasa yang dikeluarkan oleh Seksyen Istiadat dan Protokol, Bahagian Istiadat dan Urus Setia Persidangan

Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri hanya mengiktiraf penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat seperti berikut :

- i. Penganugerahan di peringkat Persekutuan yang dikurniakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
  - ii. Penganugerahan di peringkat negeri yang dikurniakan oleh KDYMM Sultan-Sultan/DYMM Raja-Raja dan TYT Yang di-Pertua Negeri daripada 13 buah negeri di Malaysia;
  - iii. Penganugerahan di peringkat Wilayah Persekutuan yang disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong; dan
  - iv. Penganugerahan daripada Ketua-ketua Negara yang berdaulat (Sovereign States) yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
5. Oleh yang demikian, penganugerahan selain daripada yang dinyatakan di atas adalah tidak diiktiraf dan KPN yang dikeluarkan adalah palsu.

=TAMAT=